

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Berhati – hati mendambakan cinta siber elak tertipu	Berita Harian
2.	Cold weather sees ice sheets on Mt Kinabalu	The Star
3.	The forces that drive science	The Star
4.	Tandas kondominium meletup	Kosmo

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (INTERAKTIF) : MUKA SURAT 33
TARIKH : 10 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)

Berhati-hati mendambakan cinta siber elak tertipu

Aktiviti jenayah di alam siber perlu diakui semakin serius dan memerlukan tindakan segera untuk menanganinya secara berkesan. Senario membimbangkan ini bukan sahaja berlaku di Malaysia.

Ini berikutan pendedahan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, kelmarin mengenai perbezaan kes jenayah siber antara 2012 hingga 2017. Paling serius ialah kes penipuan di talian. Pada 2012, 4,001 kes; 4,485 kes pada 2013; 4,477 kes pada 2014; 3,257 kes pada 2015; 3,921 kes pada 2016 dan 296 kes pada 2017, setakat ini.

Dalam aspek lain menunjukkan penurunan selain kenaikan kecil kes, termasuk dalam kategori kandungan, gangguan siber, penafian perkhidmatan, pencerobohan, cubaan mencero boh, menyebarkan kod jahat atau 'malware', spam, laporan kerentanan dan cubaan mencero boh.

Ada kalanya kita terbaca la-

poran bagaimana wanita Malaysia menjadi mangsa penipuan 'cinta siber' hingga ada yang kerugian puluhan ribu ringgit. Bagaimanapun, fenomena seperti ini tidak hanya terhad kepada negara kita sahaja.

Mangsa tipu cinta di talian

Satu laporan akhbar Britain, *The Mirror*, dua minggu lalu menyatakan 4,000 warga negara itu kerugian £40 juta (RM222 juta) pada tahun lalu di tangan orang asing yang menyamar, hingga menjadi mangsa penipuan 'cinta di talian'. Kebanyakan mangsa juga daripada kalangan yang kaya tetapi tidak semua mangsa adalah wanita.

Ibu pejabat aduan jenayah siber di Britain, Action Fraud menyatakan sekurang-kurangnya 39 peratus yang tertipu adalah lelaki. Majoriti penipu dipercayai lelaki daripada kumpulan jenayah terancang yang mencipta nama samaran di talian untuk me-



Pengguna perlu berhati-hati elak jadi mangsa jenayah siber.

Fakta nombor

3,257 KES

jenayah siber 2015

3,921 KES

jenayah siber 2016

296 KES

jenayah siber 2017

nyasarkan lelaki dan wanita. Polis juga percaya, ada juga dalam kalangan penipu ialah wanita yang menyamar dan menyasarkan lelaki kesunyian.

Pihak berkuasa Britain mengesan pihak bertanggungjawab sebagai anggota sindiket bergerak dari lokasi tertentu di Afrika Barat dan Eropah Timur menyebabkan sukar membawa mereka ke muka pengadilan di United Kingdom.

Wujud kesedaran kepada rakyat

Kena pada masanya bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menggerakkan usaha mewujudkan kesedaran terhadap isu penting itu dalam kalangan rakyat Malaysia menerusi program 'Kesedaran Keselamatan Siber Bagi Setiap Orang' yang bertujuan mendidik orang ramai mengenai cara memanfaatkan teknologi dalam talian.

Mungkin juga kita boleh contoh satu inisiatif sebuah agensi di

Britain, iaitu Scamalytics yang mengendali perisian 'anti-scammer' bagi laman web mencari pasangan. Scamalytics cuba mengurangkan penipuan 'cinta di talian' dengan memaparkan profil seorang penipu siber, lelaki menyatakan umurnya 40-an berpendapatan tinggi, balu, ketinggian biasa 5 kaki 10 inci, mungkin bekerja dalam kejuruteraan.

Wanita yang wajar dielak untuk dihubungi ialah profil menyatakan dirinya berusia 20-an (biasanya 29), bergaji tinggi, pelajar, memiliki ijazah dan tidak pernah kahwin, berambut panjang, bermata biru, memaparkan gambar selfie yang seksi khususnya paras dada. Apapun, terpujang kepada kita untuk memilih. Sikap berhati-hati amat perlu diamalkan setiap masa.

Mohd Kamil,
Cyberjaya

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 10 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)

Cold weather sees ice sheets on Mt Kinabalu

By RUBEN SARIO
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Weather conditions atop the peak of Mount Kinabalu are on "thin ice".

A sharp drop in the early morning temperature has led to ice sheets forming near Low's Peak, catching many trekkers by surprise.

The surface of the renowned Wishing Pool near the summit has frozen as Sabah, like other parts of South-East Asia, faces high pressure cold winds from Siberia.

Mount Kinabalu Mountain Guides Association president Richard Solbi said although ice had

previously formed on pools of water, the sight was still unusual.

"It has been colder than usual but thankfully, the weather has not affected climbing activities," he said.

Kinabalu Park manager Yassin Miki said temperatures on the mountain had occasionally dipped to as low as 0°C.

"The incidence of ice forming is a phenomenon considering that we are in South-East Asia where it is always warm and humid," he said.

But those working on the mountain, including Sabah Parks rangers, guides and porters were used to the colder temperatures, Yassin added.

Sabah Meteorological Services

Department director Azemi Daud said the weather was colder than usual between 5am and 7am on Wednesday.

He said February was usually one of the coldest months in the country due to the northeast monsoon that is expected to last till the end of March.

The Ranau district at the foothills of Mount Kinabalu recorded the lowest temperature at 15°C on Wednesday. It was 16°C in Keningau, Kudat (20°C) and Kota Kinabalu (21°C).

Azemi said the low temperatures could also be attributed to a lack of cloud formation at night.



Freezing conditions: A climber on Mount Kinabalu showing some of the ice sheets that formed near the summit.

The forces that drive science

NOT many would dispute the fact that science has made important contributions to society. Science has impacted life in many mostly positive ways.

It has been through the improved understanding of science that men have been able to innovate and develop technologies which have vastly advanced the progress of society.

If not for the advances made in life sciences, for example, biotechnology may not be what it is today.

And there is no denying that biotechnology has been instrumental in the numerous improvements made in food production, medicine and other areas associated with the biological discipline.

At the same time, breakthroughs in the fundamental sciences of light and laser have been largely responsible for the development of the Internet and other telecommunication tools which many now take for granted.

It is still not fully clear what the most powerful recipe for global success in science is.

Is it the funding support accorded to science? Apparently, countries which fund science to the tune of at least three percent of GDP every year tend to be ahead of others.

At slightly above one percent,

One overwhelming factor pushing excellence in science is the rise in collaboration among scientists.

ours has still to reach half of that and recent budget cuts have exacerbated matters.

Or is it because of the facilities in science? Again, those countries which invest in the latest facilities demonstrate better achievements.

Is the availability of the right talent important? Going by the standard measure of talent, we as a nation are also still short.

Arguably, all such factors play their part in ensuring success in science.

However, many agree that the one overwhelming factor which has been pushing excellence in science in recent years is the rise in collaboration among scientists in many countries.

The United States has often been cited as the country which for years has been championing the spirit of collaboration among scien-

tists. It is therefore no surprise that the achievements in science in the US are way ahead of many other nations.

And it is also no surprise to many that the US has hosted the greatest number of Nobel Prize winners in science.

Upon close scrutiny, however, not all the Nobel winners are Americans. Many are migrant scientists from such countries as Europe, the Middle East, China and Taiwan.

Well, for that matter, literally all the Americans started their life there as immigrants!

The US is definitely an excellent example of a nation where the progress in science has been driven by win-win collaboration among scientists of diverse ethnic and religious backgrounds coming from different nations of the world. That was in fact the recipe for scientific success in the US all these years.

The world looks to the US, not only for the strong purchasing power of its people, but also for its prolific achievements in science and innovation.

Talk about the global high technology companies, a long list resides in the US.

And all such companies including Microsoft, Google and Facebook, just to name a few, have been thriving on a rich diet of

migrant talents coming from many countries, including those recently banned by the new administration.

Fortunately, democracy is still very much alive in the US. This has been amply demonstrated by the blocking of the ban by a few state judges.

They consider the ban as unconstitutional and legally inappropriate.

Though the matter is still being fought in the court of appeal, many in the US and the world are secretly praying for that executive order to be declared null and void.

The decision by the US to restrict immigration is seen by many as retrogressive especially for the continued advancement of science.

This is because all these years, science has witnessed prolific success in the US mainly due to active collaboration through the conducive movement of talents into the country.

Those who see the recent ban as stifling the progress of global science would want it to be rescinded so that science in the US can continue to be a strong force in the unravelling of knowledge for the benefit of the world as a whole.

PROF DATUK DR AHMAD
IBRAHIM
Fellow, Academy of Sciences
Malaysia

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 03
TARIKH : 10 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)

Seorang lelaki Britain terselamat insiden alat pemanas air meledak

Tandas kondominium meletup

Oleh NOOR SYAHIDATOL AQMA
MOHD. NOOR

KUALA LUMPUR - Seorang konsultan lelaki warga Britain berdepan detik cemas apabila tandas rumah sewa yang didiaminya tiba-tiba meletup dalam kejadian di Kondominium Mont Kiara Palma di sini semalam.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Penguasa Kanan Bomba I, Ruhisha Haris berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada pukul 9 pagi.

"Apabila pihak bomba tiba di lokasi, kami mendapati tandas yang terletak di bahagian luar bilik tidur itu musnah sepenuhnya.

"Dinding unit kondominium yang terletak di tingkat II itu pula retak 70 peratus dipercayai berpunca daripada letupan kuat tersebut," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Ruhisha berkata, seramai lapan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Sri Hartamas dan Hang Tuah dikejarkan ke lokasi kejadian.

"Siasatan mendapati, letupan itu berpunca daripada alat pemanas air (water heater boiler) yang terletak di bahagian siling dalam tandas berkenaan.

"Mungkin berlaku kerosakan pada alat tersebut sama ada ia terlalu panas atau saluran paipnya tersumbat," katanya.

Alat itu bukanlah alat pemanas air mandian biasa di rumah sebaliknya ia seperti satu tangki khas di atas siling.



DINDING rumah lelaki Britain berkenaan retak teruk kesan letupan kuat daripada alat pemanas air di siling tandasnya di Kondominium Mont Kiara Palma, Kuala Lumpur semalam.



KEADAAN tandas yang ranap teruk kesan letupan kuat di sebuah unit Kondominium Mont Kiara Palma semalam.

Bagaimanapun, mangsa yang berada di ruang tamu ketika kejadian sempat menyelamatkan diri dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Katanya, jarak antara ruang tamu dan tandas tersebut kira-kira empat meter.

"Kejadian itu turut dilaporkan kepada Suruhanjaya Tenaga Malaysia dan tindakan seterusnya diserahkan kepada pihak pengurusan bangunan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia, Prof. Ir. Mohd. Zainal Abidin Ab. Kadir berkata, terdapat beberapa faktor yang boleh menjurus kepada kejadian tersebut antaranya seperti aliran voltan berlebihan.

"Voltan berlebihan mengakibatkan berlakunya litar pintas dan boleh menyebabkan pemanas air tersebut meletup. Selain itu kegagalan alat itu sendiri



CONTOH alat pemanas air yang digunakan di kondominium tersebut.

lantaran tidak memenuhi piawaian oleh Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) mungkin menjadi punca letupan.

"Jadi saya menasihatkan orang ramai supaya jangan berkompromi dalam isu kes-



INILAH Kondominium Mont Kiara - Palma lokasi letupan semalam.

elamatan, salah satunya dengan mengelakkan membeli barangan yang tidak mendapat pengesahan daripada pihak Sirim hanya semata-mata untuk mendapatkannya pada harga yang murah," ujarnya kepada *Kosmo!* semalam.

INFO

Alat pemanas air meletup

● 19 Disember 2014 - Tiga pekerja sebuah kilang memproses mi terbunuh selepas sebuah mesin pemanas air meletup dan meranapkan sebahagian struktur bangunan dalam kejadian di Kilang Mee Jalan Chong Huan, Batu 8 1/2, Sandakan, Sabah

● 26 Disember 2014 - Enam orang terselamat dalam kejadian letupan yang berlaku di salah sebuah rumah penginapan yang terletak di Jalan Taman Kinabalu kira-kira 24 kilometer daripada pekan Ranau apabila sebuah mesin alat pemanas air meletup sejurus menyebabkan kerosakan di bahagian rumah tersebut